



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

- Kenyataan tender ini adalah **PINDAAN** kepada kenyataan tender **KP(BP-T) Ten.29/2020** yang telah diiklankan pada **20 Oktober 2020**.
- Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LIPIM/CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :

Tajuk Dan No. Tawaran	Taraf/Syarat Pendaftaran	Taklimat Tender Dan Lawatan Tapak	Tarikh & Tempat Penjualan Dokumen	Tarikh & Tempat Tutup Tender	Harga Dokumen
MENAIKTARAF SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL PERTANIAN TELUK INTAN KEPADA KOLEJ VOKASIONAL PERTANIAN TELUK INTAN, PERAK KP(BP-T) Ten.29/2020	<ul style="list-style-type: none">◆ Taraf Bumiputera T1◆ CIDB Gred G7◆ Kategori: B & CE◆ Pengkhususan: B04, CE21	<p>Slaid Taklimat Tender adalah seperti dipaparkan di ruangan Tender dalam portal KPM</p> <p>Lawatan Tapak 11 November 2020 (Rabu) Masa: 10.00 pagi</p> <p>Sekiranya syarikat mahu melawat sendiri kawasan atau tapak projek pada 12, 13, 16, 17, 18 November 2020 adalah dialu-alukan.</p> <p>Kehadiran Lawatan Tapak adalah TIDAK DIWAJIBKAN</p> <p>Nota: (Kehadiran dihadkan kepada seorang penama sahaja bagi setiap syarikat. Amalan penjarakan fizikal, penggunaan <i>hand sanitizer</i> dan pemakaian <i>face mask</i> adalah diwajibkan)</p>	<p>13 November 2020 (Jumaat) hingga 18 November 2020 (Rabu)</p> <p>Tempat: Kaunter Jualan Tender Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya</p> <p>(Kehadiran dihadkan kepada seorang penama sahaja bagi setiap syarikat. Amalan penjarakan fizikal, penggunaan <i>hand sanitizer</i> dan pemakaian <i>face mask</i> adalah diwajibkan)</p>	<p>4 Disember 2020 (Jumaat)</p> <p>Sebelum jam 12.00 tengah hari</p> <p>Tempat: Kaunter Serahan Tender, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya</p>	<p>RM500.00 (CD/DVD) (Tidak akan dikembalikan)</p>

- Waktu urusan pembelian dan pertanyaan mengenai tender adalah seperti berikut :

HARI	WAKTU
Isnin hingga Khamis	9.00 pagi – 12.00 tengah hari dan 2.30 petang – 4.00 petang
Jumaat	9.00 pagi – 12.00 tengah hari sahaja

- Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada **Pengarah syarikat yang sah, penama di dalam sijil dan wakil sah kontraktor** dengan menunjukkan dan mengemukakan **Surat Perwakilan Kuasa** dan sijil-sijil **ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera**. Satu salinan bagi setiap sijil ini perlu dikemukakan semasa membeli dokumen tawaran untuk simpanan. (Tidak dikembalikan)
- Bayaran dokumen hendaklah dibayar atas nama **KETUA AKAUNTAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** berpalang dalam **BANK DRAF SAHAJA**. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.
- Dokumen Meja Tender disediakan untuk semakan di **Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya** pada waktu pejabat sehingga dan termasuk tarikh tender dijadualkan ditutup.
- Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk tender dituliskan di kirinya dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat berikut :-

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
ARAS 1, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA**

- Jika dokumen tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, kontraktor hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
- Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali.
- KPM tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.

